



## JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.jwp.gov.my](http://www.jwp.gov.my)

---

### KENYATAAN MEDIA

#### DIALOG BELANJAWAN 2025 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA

**KUALA LUMPUR, 26 OGOS 2024** – YB. Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), hari ini menjadi ahli panel Dialog Belanjawan 2025 bersama *stakeholders* Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Dialog ini membolehkan Jabatan Wilayah Persekutuan mendapat input, idea dan komen bagi pelaksanaan Belanjawan 2025 Wilayah Persekutuan selari dengan Kerangka Ekonomi MADANI.

Input-input daripada pihak berkepentingan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ini menjadi asas kepada perancangan dan pelaksanaan Belanjawan 2025 yang menyeluruh dan inklusif. Memenuhi keperluan penduduk di Wilayah Persekutuan menjadi keutamaan pihak kerajaan bagi membantu mencapai matlamat pembangunan Wilayah Persekutuan yang terangkum supaya peningkatan kualiti hidup rakyat dapat direalisasikan. Ini melalui wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan peningkatan taraf sosio ekonomi yang memberi kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan.

Perancangan Belanjawan 2025 yang komprehensif dapat mengangkat semula kedudukan dan hierarki sosial negara melalui penstrukturan semula ekonomi. Semua penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mendapat manfaat yang sewajarnya daripada pertumbuhan ekonomi tempatan yang pesat membangun. Dialog Belanjawan 2025 pada hari ini menjadi wadah pertemuan terbaik kepada semua pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, wakil industri, pertubuhan dan persatuan, teknokrat, ahli ilmunan, badan-badan bukan kerajaan dan lain-lain dalam mengutarakan nilai tambah untuk membolehkan perancangan Belanjawan 2025 berjaya dilaksanakan.

Semua pihak harus memainkan peranan secara bersama bagi mencapai visi ini dalam memastikan Wilayah Persekutuan terus menjadi contoh pembangunan bandaraya yang harmoni dan mampan.

**Disediakan oleh:  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Jabatan Wilayah Persekutuan  
27 Ogos 2024**